



i-MODUL KECEMERLANGAN SPM SMKA 2025

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2025

PRINSIP PERAKAUNAN

3756/2

KERTAS 2

Ogos/Sept.

 $2\frac{1}{2}$ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas ini mengandungi dua bahagian, Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan di Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B.*
3. *Tulis jawapan anda pada kertas Lejar, Jurnal dan helaian tambahan yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini. Sekiranya tidak mencukupi, anda boleh mendapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian, tulis jawapan yang baharu.*
5. **Tunjukkan kerja mengira.** *Ini membantu anda mendapatkan markah.*
6. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
8. *Ceraikan kertas Lejar, Jurnal dan helaian tambahan daripada kertas peperiksaan ini. Ikat bersama dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*
9. *Anda diingatkan untuk menulis Nombor Kad Pengenalan dan Angka Giliran di setiap kertas Lejar, Jurnal dan helaian tambahan yang digunakan untuk menulis jawapan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 15 halaman bercetak termasuk muka hadapan

Bahagian A**[60 markah]***Jawab semua soalan.*

1 (a) Nyatakan andaian dan prinsip perakaunan bagi situasi berikut:

- (i) Kedai Runcit Ramlee terus mencatatkan kerugian selama dua tahun namun pemiliknya masih meneruskan operasi seperti biasa kerana percaya perniagaan akan pulih pada masa hadapan.
- (ii) Kedai Perabot Ah Seng telah merekodkan sewa RM1 800 dalam penyata kewangan perniagaan termasuk sewa belum bayar sebanyak RM300. [2 markah]

(b) Berikut adalah kesilapan yang dapat dikesan dalam Butik Andaman Seha.

Belian kenderaan bernilai RM30 000 telah tersilap catat dalam Akaun Belian.

Betulkan kesilapan tersebut menggunakan jurnal am.

[2 markah]

(c) Berikut adalah petikan kad inventori yang diambil daripada Perniagaan Murni.

Kad Inventori: Rak Pameran

Tarikh	Dokumen	Masuk (unit)	Keluar (unit)	Harga Kos seunit (RM)	Harga Pasaran seunit (RM)
2025 Jun 2	Invois (Asal)	50		80	110
6	Invois (Salinan)		5		

Hitung nilai inventori akhir.

[2 markah]

(d) Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Mentari pada 31 Disember 2024.

Mesin (kos)	RM60 000
Susut nilai terkumpul mesin	RM18 000

Mesin tersebut dijual pada harga RM40 000. Berapakah untung atau rugi pelupusan mesin tersebut? [2 markah]

(e) Dokumen berikut diperoleh daripada Matt Furniture.

ASAL	INVOIS	INV25507		
MATT FURNITURE 27 Jalan Bestari, 85010 Segamat Johor.				
		Tarikh : 15 Mei 2025		
Kepada : Idaman Enterprise 10B Jalan Segamat Lama, 85010 Segamat Johor.				
Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Rak 4 tingkat	5	270.00	1 350.00
2.	Almari 2 pintu	5	350.00	1 750.00
				3 100.00
	Tolak : Diskaun niaga 10%			310.00
	JUMLAH			2 790.00
Ringgit Malaysia : <u>Dua Ribu Tujuh Ratus Sembilan Puluh Sahaja</u> Syarat : 10% 5 hari, 5% 10 hari Serahan : Angkutan dibayar K. & K. di K.				
Khalid [Penerima]			Ahmad [Pengurus]	

(i) Berapakah jumlah diskaun yang diterima jika pembayaran invois dibuat pada 20 Mei 2025?

(ii) Berapakah jumlah pembayaran yang perlu dibuat? [2 markah]

2 Solehan dan Solehah adalah rakan kongsi dalam Perkongsian SS Network di Klang, Selangor.

Perjanjian perkongsian telah menetapkan perkara berikut:

- (i) Faedah 5% setahun atas modal awal.
- (ii) Faedah 6% setahun dikenakan atas ambilan.
- (iii) Faedah atas pinjaman perkongsi 8% setahun.
- (iv) Gaji tahunan Solehan RM12 000 dan Solehah RM10 000.
- (v) Elaun Solehan RM3 000 dan elaun Solehah RM2 000
- (vi) Untung rugi diagihkan mengikut nisbah modal awal.

Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perkongsian SS Network.

	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 Mei 2024:		
Solehan		60 000
Solehah		40 000
Akaun Semasa pada 1 Mei 2024:		
Solehan		1 600
Solehah	2 800	
Ambilan:		
Solehan (1 Mei 2024)	1 600	
Solehah (1 Januari 2025)	2 000	
Untung bersih		42 004
Akaun Belum Terima	36 000	
Akaun Belum Bayar		59 000
Premis (kos)	100 000	
Alatan pejabat (kos)	40 970	
Perabot (kos)	8 760	
Tunai	160	
Bank	6 870	
Gaji:		
Solehan	8 000	
Solehah	10 000	
Elaun:		
Solehan	3 000	
Solehah	1 000	
Pinjaman bank (tarikh matang pada tahun 2027)		40 000
Pinjaman daripada Solehan (dibuat pada 1 Mei 2024)		30 000
Inventori pada 30 April 2025	55 500	

Maklumat tambahan:

- (i) Untung bersih yang diperoleh belum mengambil kira perkara berikut:
- (a) Insurans prabayar RM240.
 - (b) Kadar bayaran belum bayar RM360
 - (c) Peruntukan hutang ragu diwujudkan sebanyak 2% atas Akaun Belum Terima.
 - (d) Faedah atas pinjaman kepada pekongsi Solehan.
- (ii) Pinjaman bank dibuat pada 1 November 2024. Faedah pinjaman ditetapkan pada kadar 6% setahun.
- (iii) Solehan membawa masuk komputer bernilai RM3 600 milik peribadinya untuk kegunaan perniagaan pada 1 Januari 2025. Perkara ini belum direkod dalam buku perkongsian.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Untung bersih bagi tahun berakhir 30 April 2025. [6 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2025. [7 markah]
- (c) Akaun Semasa pekongsi (beruangan). [8 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 April 2025 (bahagian Ekuiti Pemilik). [4 markah]

- 3 Encik Zafarul memulakan Perniagaan Brightzone Enterprise yang menjual pelbagai jenis lampu di Bandar Seri Botani pada 1 Jun 2025. Dokumen-dokumen berikut diperoleh daripada perniagaan beliau sepanjang bulan Jun 2025.

MEMO BRIGHTZONE ENTERPRISE 43, JALAN BSB 6/15, BANDAR SERI BOTANI, 31350 IPOH, PERAK.
Kepada : Kerani Akaun Daripada : Pengurus Tarikh : 1 Jun 2025
Perkara Tunai dibankkan bernilai RM35 000 dibawa masuk untuk kegunaan perniagaan.
Zafarul [Pengurus]

Dokumen 1

ASAL	INVOIS PEMBEKAL JAYA NO. 85, JALAN PASIR PANJANG, 06760 ALOR SETAR, KEDAH.	No. Dokumen : INV30117		
Kepada : Brightzone Enterprise 43, Jalan BSB 6/15, Bandar Seri Botani, 31350 Ipoh, Perak.		Tarikh : 2 Jun 2025		
Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Spotlight LED	100	35	3 500
2.	Ceiling Light LED	100	40	4 000
				7 500
Tolak : Diskaun niaga 10%				750
JUMLAH				6 750
Ringgit Malaysia : <u>Enam Ribu Tujuh Ratus Lima Puluh Sahaja</u> Syarat : 10% 5 hari, 5% 10 hari Serahan : Angkutan dibayar K. & K. di K.				
Zafarul [Penerima]				Chong [Pengurus]

Dokumen 2

ASAL

INVOIS

No. Dokumen : INV60075

PERNIAGAAN BERSERI
LOT 12, JALAN PERMAI,
31700 MALIM NAWAR, PERAK.

Tarikh : 3 Jun 2025

Kepada :

Brightzone Enterprise
 43, Jalan BSB 6/15,
 Bandar Seri Botani,
 31350 Ipoh, Perak.

Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Wall Sconce LED	100	45	4 500
2.	Sky Light LED	100	50	5 000
				9 500
	Tolak : Diskaun niaga 10%			950
	JUMLAH			8 550

Ringgit Malaysia : Lapan Ribu Lima Ratus Lima Puluh Sahaja

Syarat : 10% 7 hari, 5% 14 hari

Serahan : Angkutan dibayar

K. & K. di K.

Zafarul
 [Penerima]

Sima
 [Pengurus]

Dokumen 3

SALINAN

INVOIS

No. Dokumen : INV001

BRIGHTZONE ENTERPRISE
 43, JALAN BSB 6/15,
 BANDAR SERI BOTANI,
 31350 IPOH, PERAK.

Tarikh : 5 Jun 2025

Kepada :

Pembekal TataHiasan
 No. 37, Persiaran SI Satu,
 31750 Seri Iskandar, Perak.

Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Ceiling Light LED	30	100	3 000
2.	Sky Light LED	40	150	6 000
				9 000
	Tolak : Diskaun niaga 10%			900
	JUMLAH			8 100

Ringgit Malaysia : Lapan Ribu Satu Ratus Sahaja

Syarat : 10% 7 hari, 5% 14 hari

Serahan : Angkutan dibayar

K. & K. di K.

Khairul
 [Penerima]

Zafarul
 [Pengurus]

Dokumen 4

ASAL	NOTA DEBIT PEMBEKAL JAYA NO. 85, JALAN PASIR PANJANG, 06760 ALOR SETAR, KEDAH.	No. Dokumen : ND308
Kepada : Brightzone Enterprise 43, Jalan BSB 6/15, Bandar Seri Botani, 31350 Ipoh, Perak.		Tarikh : 7 Jun 2025
Perkara Bayaran tambahan bagi pengangkutan INV30117 berjumlah RM150.		
Zafarul [Penerima]		Chong [Pengurus]

Dokumen 5

SALINAN	INVOIS BRIGHTZONE ENTERPRISE 43, JALAN BSB 6/15, BANDAR SERI BOTANI, 31350 IPOH, PERAK.	No. Dokumen : INV002																											
Kepada : Hiasan Permata Enterprise Lot 55, Lorong Expo 7, 32040 Seri Manjung, Perak.		Tarikh : 10 Jun 2025																											
<table border="1"><thead><tr><th>Bil</th><th>Butir</th><th>Kuantiti</th><th>Harga Seunit (RM)</th><th>Jumlah (RM)</th></tr></thead><tbody><tr><td>1.</td><td>Wall Sconce LED</td><td>25</td><td>110</td><td>3 000</td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td>2 750</td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td>Tolak : Diskaun niaga 10%</td><td>275</td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td>JUMLAH</td><td>2 475</td></tr></tbody></table>					Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)	1.	Wall Sconce LED	25	110	3 000					2 750				Tolak : Diskaun niaga 10%	275				JUMLAH	2 475
Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)																									
1.	Wall Sconce LED	25	110	3 000																									
				2 750																									
			Tolak : Diskaun niaga 10%	275																									
			JUMLAH	2 475																									
Ringgit Malaysia : <u>Dua Ribu Empat Ratus Tujuh Puluh Lima Sahaja</u> Syarat : 10% 7 hari, 5% 14 hari Serahan : Angkutan dibayar K. & K. di K.																													
Duraton [Penerima]				Zafarul [Pengurus]																									

Dokumen 6

ASAL Kepada : Brightzone Enterprise 43, Jalan BSB 6/15, Bandar Seri Botani, 31350 Ipoh, Perak.	INVOIS PERNIAGAAN BERSERI LOT 12, JALAN PERMAI, 31700 MALIM NAWAR, PERAK.	No. Dokumen : INV60259 Tarikh : 13 Jun 2025
--	--	--

Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Adjustable Desk Lamp	100	35	3 500
2.	Reading Lamp LED	100	45	4 500
				8 000
			Tolak : Diskaun niaga 10%	800
			JUMLAH	7 200

Ringgit Malaysia : Tujuh Ribu Dua Ratus Sahaja
 Syarat : 10% 7 hari, 5% 14 hari
 Serahan : Angkutan dibayar
 K. & K. di K.

Zafarul
 [Penerima]

Sima
 [Pengurus]

Dokumen 7

SALINAN Kepada : Asrama SMK Seri Paduka 33040 Kuala Kangsar, Perak.	INVOIS BRIGHTZONE ENTERPRISE 43, JALAN BSB 6/15, BANDAR SERI BOTANI, 31350 IPOH, PERAK.	No. Dokumen : INV003 Tarikh : 15 Jun 2025
---	---	--

Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Reading Lamp LED	45	120	5 400
				5 400
			Tolak : Diskaun niaga 10%	540
			JUMLAH	4 860

Ringgit Malaysia : Empat Ribu Lapan Ratus Enam Puluh Sahaja
 Syarat : 10% 7 hari, 5% 14 hari
 Serahan : Angkutan dibayar
 K. & K. di K.

NoraLin
 [Penerima]

Zafarul
 [Pengurus]

Dokumen 8

SALINAN	BIL TUNAI BRIGHTZONE ENTERPRISE 43, JALAN BSB 6/15, BANDAR SERI BOTANI, 31350 IPOH, PERAK.	No : BT001 Tarikh : 17 Jun 2025		
Kepada : Encik Amir				
Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Reading Lamp LED	3	120	360
JUMLAH				360
Ringgit Malaysia: <u>Tiga Ratus Enam Puluh Sahaja</u> Tunai / No. Cek : MBB100068				
				Zafarul [Pengurus]

Dokumen 9

SALINAN	INVOIS BRIGHTZONE ENTERPRISE 43, JALAN BSB 6/15, BANDAR SERI BOTANI, 31350 IPOH, PERAK.	No. Dokumen : INV004 Tarikh : 21 Jun 2025		
Kepada : LUNA Boutique Hotel 31400 Tambun, Perak.				
Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Adjustable Desk Lamp	50	150	7 500
				7 500
Tolak : Diskaun niaga 10%				750
JUMLAH				6 750
Ringgit Malaysia : <u>Enam Ribu Tujuh Ratus Lima Puluh Sahaja</u> Syarat : 10% 7 hari, 5% 14 hari Serahan : Angkutan dibayar K. & K. di K.				
Afifah [Penerima]			Zafarul [Pengurus]	

Dokumen 10

MEMO
BRIGHTZONE ENTERPRISE
43, JALAN BSB 6/15,
BANDAR SERI BOTANI,
31350 IPOH, PERAK.

Kepada : Kerani Akaun
Daripada : Pengurus
Tarikh : 25 Jun 2025

Perkara
Pemilik telah mengambil 3 buah Reading Lamp LED untuk kegunaan di rumah.

Zafarul
[Pengurus]

Dokumen 11

Anda dikehendaki :

(a) Merekodkan urus niaga di atas ke :

- (i) Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan) [2 markah]
- (ii) Jurnal Belian [4 markah]
- (iii) Jurnal Jualan [4 markah]

(b) Mengeposkan 6(a) ke (Lejar tidak perlu diimbangkan):

- (i) Lejar Am [7 markah]
- (ii) Lejar Belian [4 markah]
- (iii) Lejar Jualan [4 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 4 Syarikat Purnama Bhd merupakan perniagaan yang baharu bertapak di negeri Johor.

Pada 20 Januari 2024, syarikat menerbitkan syer kali pertama iaitu :

- 100 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM1 sesyer
- 300 000 unit Syer Biasa pada harga RM2 sesyer.

Semua syer telah dilanggan dan di bayar penuh pada 31 Januari 2024.

Syarikat Purnama Bhd berkembang maju, Pada 30 Jun 2024, syarikat memutuskan untuk membayar dividen interim :

- 8% Syer Keutamaan
- 8% Syer Biasa

Syarikat membuat terbitan kali kedua pada 3 Julai 2024. Syarikat menerbitkan 100 000 unit Syer Biasa pada harga RM3 sesyer.

Pada tarikh tutup permohonan 30 Julai 2024, jumlah wang yang diterima adalah RM 200 000, Terdapat kurangan langganan berjumlah RM100 000. Wang kurangan tersebut ditanggung oleh pihak penaja jamin pada 31 Julai 2024.

Pada 31 Disember 2024, Lembaga Pengarah memutuskan dividen akhir Syer Biasa ialah RM0.15 sesyer. Tempoh perakaunan berakhir 31 Disember setiap tahun.

Anda dikehendaki:

- (a) Merekodkan terbitan syer kali pertama di dalam Jurnal Am [4 markah]
- (b) Menghitung dividen interim 8% Syer Keutamaan dan Syer Biasa [4 markah]
- (c) Merekodkan terbitan syer kali kedua di dalam (tunjukkan penerimaan wang kurangan langganan daripada penaja jamin) :
 - (i) Akaun Permohonan Syer Biasa [2 markah]
 - (ii) Akaun Modal Syer Biasa [1 markah]
 - (iii) Akaun Bank [2 markah]
- (d) Menghitung dividen akhir 8% Syer Keutamaan dan Syer Biasa. [4 markah]
- (e) Tunjukkan bahagian Ekuiti Pemilik di dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024. [3 markah]

- 5 (a) Urus niaga berikut diambil daripada buku Perniagaan Annas Jaya.

2025		RM
Julai 1	Baki tunai di tangan	550
	Baki overdraft di bank	1 025
2	Jualan tunai dibankkan	850
5	Terima komisen secara tunai	980
8	Terima cek daripada Kedai Amran	2 300
9	Beli alat tulis secara tunai	130
12	Membeli barang niaga dengan cek	1 190
16	Masukkan tunai perniagaan ke dalam bank	500
17	Membeli barang niaga daripada Syarikat Bumi Jati dan menerima invois	1 650
18	Terima cek pinjaman daripada Bank CTY untuk perniagaan	5 000
19	Terima cek daripada Encik Ahmadi dan memberi diskaun sebanyak RM40	2 460
20	Beli barang niaga dengan cek	800
23	Ambilan tunai untuk membayar tuisyen anak	400
25	Bayar sewa kedai dengan cek	1 200

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Tiga Lajur untuk mencatat urus niaga bagi bulan Julai 2025 dan mengimbangkannya pada akhir bulan tersebut.

[13 markah]

- (b) Hamzah Enterprise menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut Sistem Panjar dengan nilai dana runcit sebanyak RM250 setiap bulan.

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Mei 2025:

2025		RM
Mei 1	Menerima sekeping cek daripada ketua juruwang sebagai bayaran balik tunai	180
3	Membeli gula dan kopi pejabat	18
4	Membeli setem dan sampul surat	22
6	Membayar tambang teksi	35
9	Membeli mesin pencetak	270
11	Membayar bunga hiasan pejabat	23

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit yang disediakan.

[7 markah]

- 6 Hanania Foods Industries mengeluarkan kerepek tempe sira yang terkenal di Johor. Kos yang terlibat untuk menghasilkan 2 000 paket kerepek tersebut adalah seperti berikut:

Butiran	Harga (RM)
Upah langsung	4 200
Upah tak langsung	4 500
Kos bahan langsung	1 800
Sewa kilang	2 000
Utiliti kilang	1 500
Harga jualan	8.00 sepeket

Anda dikehendaki :

- (a) (i) Kos Tetap [1 markah]
(ii) Kos Berubah [1 markah]
(iii) Jumlah Kos [2 markah]
(iv) Jumlah Hasil [2 markah]
(v) Margin Caruman Seunit [2 markah]
(vi) Titik Pulang Modal [2 markah]
- (b) Berdasarkan jawapan anda di 6(a)(i), lukis graf Titik Pulang Modal pada kertas graf yang disediakan dengan menggunakan skala yang sesuai. Anda perlu menunjukkan:
- (i) Garisan Kos Tetap
(ii) Garisan Jumlah Kos
(iii) Garisan Jumlah Hasil
(iv) Titik Pulang Modal
(v) Kawasan untung dan rugi
- [8 markah]
- (c) Menghitung keuntungan yang diperolehi sekiranya kilang mensasarkan pengeluaran sebanyak 4 500 paket kerepek tempe sira.

[2 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT